

# Berbanggalah dengan Bahasa Kebangsaan

SAYA amat berbangga menjadi rakyat Malaysia - dapat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Malaysia adalah negara yang aman dan damai.

Kini ramai orang sudah tertumpu kepada negara kita kerana keamanan yang dikecapi termasuk para pelajar asing yang memilih untuk belajar di negara kita.

Suasana begini amat menggalakkan iklim pelaburan dalam pelbagai bidang. Namun apa yang saya ingin kupas ialah peranan bahasa Melayu sekarang sudah mencapai tahap yang boleh dibanggakan.

Bahasa adalah jiwa bangsa yang menggunakannya. Dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, baha-

sa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan kaum.

Langkah mewajibkan pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) mengambil Bahasa Kebangsaan dan wajib lulus supaya bahasa Melayu tidak dinafikan tarafnya berbanding penggunaan bahasa Inggeris yang meluas diajar dalam kesemua kursus di IPTS.

Di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) banyak kursus diajar dalam bahasa Melayu.

Sekarang adalah peringkat kita semua sebagai pengguna bahasa menilai kembali bahasa kita. Penilaian perlu dilakukan kerana adanya unsur tidak sayangkan bahasa sendi-

ri.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan akan menjadi lebih bererti apabila pelajar yang mengambil kursus bahasa kebangsaan menyedari bahawa bahasa Melayu adalah bahasa ke-4 terpenting di dunia.

Kepelbagaian budaya di negara kita tidak menghalang anggota masyarakat berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa yang sama iaitu bahasa Melayu.

Bahasa menjadi tali penghubung peringkat perpaduan antara kaum. Ini akan membentuk keharmonian dalam masyarakat.

Masyarakat akan menjadi aman dan hu-

bugan antara masyarakat akan semakin rapat dengan menggunakan bahasa sama iaitu bahasa Melayu.

Melalui bahasa, sesuatu tamadun dapat dibina seperti tamadun Mesopotamia, tamadun Rom dan Parsi dan sebagainya. Bahasa sebagai penggerak kepada kemajuan sesuatu tamadun.

Bahasalah akan menentukan tamadun itu naik atau turun. Bahasa dapat menyesuaikan dirinya dengan apa-apa jua yang mempengaruhinya. Bahasa Melayu adalah contoh kepada perkembangan tamadun.

**- NORHAIDI MOHD. NORDIN,**  
Kota Bharu,  
Kelantan.

um - 20/4/2007